

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 01 TAHUN 2016**

Tarikh : 22 Januari 2016 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | YB. Noor Hanim binti Ismail | - | Adun Sri
Serdang |
| 4. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 8. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 11. | Encik Ir. Izham bin Hashim | - | " |

12.	Encik Wan Hock Leong	-	"
13.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
14.	Puan Norzaihan binti Imail	-	"
15.	Encik Jaber bin Ami	-	"
16.	Encik P.Ravi Chandaran a/l Periasamy	-	"
17.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	-	"
18.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	-	"
19.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	-	"
20.	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	-	"
21.	Puan Wong Siew Ki	-	"
22.	Encik Chang Kim Loong	-	"
23.	Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir	-	"
24.	Encik Edwin Lim Hock Lee	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	Ahli
----	------------------------------------	---	------

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Perancangan Bandar
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
12. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Penilaian Dan Pengurusan Harta
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Teknologi Maklumat

14. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
15. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
16. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
18. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
24. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

27. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
29. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
33. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
34. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
35. Encik Nordin Bin Harun
Penolong Pengarah, Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan
Awam
36. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
37. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Shariza binti Safuri
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 01/2016 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 **MAJLIS ANGKAT Sumpah dan Menandatangani WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA PENGGAL 2016/2017**

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada dua puluh dua (22) orang Ahli Majlis yang dilantik bagi penggal 2016/2017. Pihak Majlis menaruh sepenuh kepercayaan kepada Ahli Majlis yang telah dilantik agar dapat menyumbangkan idea dan nasihat ke arah kecemerlangan MPSJ.

MPSJ juga ingin menyeru agar Ahli Majlis yang dilantik dapat memegang amanah dengan jujur, ikhlas, bertanggungjawab dan komited. Ahli Majlis juga harus menyumbang tenaga, idea dan buah fikiran demi untuk pembangunan dan kemajuan MPSJ.

2.2 **MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBANGUNAN TAMAN REKREASI, PUTRA HEIGHT**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis Pecah Tanah projek pembangunan Taman Rekreasi, Putra Height pada 23 Januari (Sabtu) jam 7.30 hingga 12.00 tengahari bertempat di Taman Rekreasi Putra Heights,

Persiaran Putra Perdana, Seksyen 3, Putra Height, Subang Jaya.

Sempena dengan penganjuran majlis ini, terdapat beberapa program yang telah dirancang iaitu Kayuhan 'Green Ride', pertandingan mewarna dan taklimat keselamatan.

2.3 PROGRAM MESRA SANTAI DATO' YDP BERSAMA AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

MPSJ juga akan menganjurkan program Mesra Santai Dato' YDP bersama ADUN Subang Jaya. Program dijadualkan pada 23 Januari 2016 (Sabtu) bermula jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Kompleks 3K, SS13, Subang Jaya. Program ini akan turut dihadiri oleh YB Tuan Wong Chen (Ahli Parlimen Kelana Jaya) dan YB Hannah Yeoh Tseow Suan (ADUN Subang Jaya).

Pengisian program ini adalah perlawanan persahabatan acara badminton melibatkan ADUN Subang Jaya, pegawai dan kakitangan MPSJ serta penduduk setempat.

Program ini dianjurkan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk setempat, ADUN Subang Jaya dan pengurusan MPSJ. Sehubungan itu, pihak Majlis dengan sukacitanya menjemput Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPSJ untuk hadir ke program tersebut.

2.4 ANUGERAH JKP DAN ZON BERSIH MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya juga merancang untuk mengadakan Majlis Anugerah JKP dan Zon Bersih MPSJ tahun 2015.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menghargai komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh Ahli Majlis selaku Pengerusi JKP dan komuniti mengikut zon masing-masing. Penilaian bagi Anugerah Kepimpinan Terbaik Ahli Majlis

MPSJ adalah seperti kepimpinan yang baik dan berkualiti, penganjuran program kemasyarakatan, kemahiran interpersonal, penyelesaian aduan, pengetahuan dan komitmen.

Manakala kriteria utama bagi Anugerah Zon Bersih MPSJ 2015 adalah penganjuran program kemasyarakatan, pengurusan Inden JKP MPSJ, pemantauan kebersihan persekitaran, pemantaun kesihatan awam, dokumentasi dan inovasi.

Butiran lanjut berhubung program ini seperti tarikh, masa dan lokasi akan dimaklumkan kemudian.

3.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

3.1 Penubuhan jawatankuasa, penentuan bidang tugas dan keanggotaan Ahli Majlis dalam mesyuarat jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2016/2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** cadangan yang terkandung dalam kertas mesyuarat tersebut. Cadangan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

3.1.1 Jawatankuasa-jawatankuasa perlu ditubuhkan mengikut bidang tugas masing-masing. Ini bertujuan untuk memudahkan perjalanan urusan seperti yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

3.1.2 Jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk adalah seperti berikut:-

(a) Penubuhan Jawatankuasa di bawah Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

- 1) Jawatankuasa Kewangan;
- 2) Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan;
- 3) Jawatankuasa Infrastruktur;

- 4) Jawatankuasa Pengindahan Bandar;
- 5) Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat;
- 6) Jawatankuasa Kemasyarakatan.
- 7) Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

(b) Penubuhan Pihak Berkuasa Melantik di bawah Seksyen 16 (4), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Keahlian adalah terdiri daripada:

- 1) Datuk Bandar/Yang Dipertua;
- 2) Setiausaha; dan
- 3) Seorang Ahli Majlis yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat. Penggiliran bergantung kepada kehendak semasa dan pemilihan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua.

(c) Penubuhan Lembaga Tatatertib di bawah Seksyen 16 (4) dan Seksyen 17(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Keahlian adalah terdiri daripada:-

- 1) Datuk Bandar / Yang Dipertua;
- 2) Setiausaha; dan
- 3) Seorang Ahli Majlis yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat. Penggiliran bergantung kepada kehendak semasa dan pemilihan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua.

(d) Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Mengikut Pekeliling Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 2/2009

- 1) Dianggotai oleh sekurang-kurangnya 5 orang Ahli Majlis bukan eksekutif yang dipilih. Jawatankuasa akan melantik seorang Pengerusi di kalangan Ahli Majlis dalam Jawatankuasa tersebut dan Unit Audit Dalam (UAD) akan bertindak sebagai Urus Setia kepada Jawatankuasa.
- 2) Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun.

(e) Penubuhan Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 6 Tahun 2009

- i. Keahlian Jawatankuasa **Tender** adalah seperti berikut :-

Pengerusi

Datuk Bandar / Yang Dipertua

Ahli-ahli

- 1) Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang Dipertua;
- 2) Pengarah Kewangan;
- 3) Penasihat Undang-Undang;
- 4) Seorang Pegawai Teknikal (Dalaman);
- 5) 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP dan NGO) Keahlian Ahli Majlis akan ditukar setiap enam (6) bulan sekali; dan
- 6) Urusetia Mesyuarat dipilih oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua

- ii. Keahlian Jawatankuasa **Sebut Harga** adalah seperti berikut :-

Pengerusi

Datuk Bandar / Yang Dipertua

Ahli-ahli

- 1) Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang Dipertua;
- 2) Pengarah Kewangan / Penasihat Undang-Undang;
- 3) Seorang Pegawai Teknikal (Dalaman);
- 4) 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP dan NGO). Keahlian Ahli Majlis akan ditukar setiap enam(6) bulan sekali; dan
- 5) Urusetia Mesyuarat dipilih oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua.

3.1.2 Penentuan Bidang Kuasa Jawatankuasa

3.1.2.1 Jawatankuasa Kewangan

- (a) Memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan hasil mengikut seksyen 39, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (b) Memperakukan kepada PBT Bajet Tahunan, Anggaran Tambahan dan Pindah Peruntukan mengikut seksyen 55, 56 dan 58, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (c) Memastikan akaun PBT diselenggarakan dengan baik dan penyata kewangan disediakan sebagaimana dikehendaki mengikut seksyen 53 dan 54, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);

- (d) Memastikan rekod inventori dan aset PBT di selenggara dengan baik;
- (e) Mengkaji laporan prestasi kewangan dan belanjawan setiap bulan serta membuat syor-syor penambahbaikan mengenainya;
- (f) Mengkaji laporan aliran tunai bulanan/tahunan PBT;
- (g) Memperakukan kepada PBT perkara-perkara berkaitan dengan kadar, kiraan nilai tahunan dan lain-lain mengikut peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (h) Menimbang dan memutuskan bantahan dari mereka yang terkilang atas Senarai Nilai dan Pindaan Senarai Nilai yang dikenakan bila menyediakan sesuatu Senarai Nilai mengikut seksyen 142, 143 dan 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan memperakukan kepada PBT keputusan bantahan taksiran;
- (i) Mengkaji laporan mengenai pelaburan-pelaburan harta dan projek-projek penswastaaan PBT;
- (j) Menerima penyata kewangan tahunan dan laporan audit PBT; dan
- (k) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan / tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.2 Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan

- (a) Mengesyorkan kepada PBT langkah-langkah kawalan ke atas perniagaan, tred dan perindustrian mengikut seksyen 102 (s), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (b) Mengkaji dan meluluskan permohonan kelulusan aktiviti perniagaan yang berisiko dan lain-lain sehubungan dengannya, serta mengkaji perancangan penempatan semula penjaja, bengkel, gerai dan sebagainya;
- (c) Mengkaji dan mencadangkan kepada PBT program-program yang bersesuaian untuk penjaja-penjaja, kontraktor-kontraktor bumiputera dan peniaga-peniaga kecil untuk tujuan pembangunan perniagaan;
- (d) Mengesyorkan dan memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan penglibatan bumiputera dan penjaja kecil dalam kegiatan ekonomi serta mengesyorkan dan memperakukan kepada PBT hal-hal lain berhubung dengan pelesenan dan pembangunan usahawan;
- (e) Mengkaji dan meluluskan perancangan kawalan penyakit berjangkit (vektor) dan kawalan binatang;
- (f) Mengesyorkan kepada PBT langkah-langkah berhubung dengan keselamatan awam seperti kawalan kebersihan tempat awam, anak sungai, makanan, pasar dan lain-lain perkara mengenai kebersihan dan kacau ganggu seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171); dan

- (g) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.3 Jawatankuasa Infrastruktur

- (a) Memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan, membaiki, memperelok dan membuat jalan mengikut seksyen 4 dan 5, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (b) Mengkaji dan menyelaras reka bentuk jalan, pemasangan perabot jalan termasuk lampu jalan dan lain-lain berhubung dengan jalan serta penyelenggaraan;
- (c) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan penyelarasan sistem pengangkutan awam;
- (d) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan susunatur aliran lalulintas;
- (e) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan menaiktaraf sistem perparitan;
- (f) Hal-hal lain berkenaan dengan peraturan dan keselamatan jalan raya;
- (g) Menyalurkan permasalahan berkaitan Aduan Bangunan Bertingkat dan Hak Milik Strata kepada pihak-pihak yang berkenaan;
- (h) Menyalurkan permasalahan berkaitan aduan rumah ibadat kepada pihak-pihak yang berkenaan; dan

- (i) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.4 Jawatankuasa Pengindahan Bandar

- (a)Memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan kerja-kerja memperelok dan mempercantikkan bandar;
- (b) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan menaiktaraf kemudahan awam dan rekreasi seperti kompleks sukan dan gelanggang permainan dan lain-lain;
- (c) Mempertimbangkan dan memperakukan langkah-langkah ke arah mempertingkatkan mutu perkhidmatan bandar dan pengindahan lanskap serta penyediaan taman dan rekreasi;
- (d) Mengesyorkan kepada PBT hal-hal lain berhubung dengan kebersihan dan keindahan bandar;
- (e) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan hal-hal berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- (f) Menimbang peraturan-peraturan bagi menggunakan kemudahan yang disediakan dan kadarnya; dan
- (a) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.5 Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat

- (a) Memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan senarai perjawatan dan perubahan / penambahan jawatan mengikut seksyen 16 (1) dan (3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (b) Memperakukan cadangan dasar-dasar berkaitan dengan perjawatan, perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia;
- (c) Memperakukan Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan untuk diguna pakai di PBT;
- (d) Mengesyorkan kepada PBT perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan modal insan bagi tujuan peningkatan kualiti dan prestasi perkhidmatan;
- (e) Membincangkan mengenai dasar berkaitan kebajikan kakitangan PBT;
- (f) Mengkaji dan mengesyorkan kepada PBT cadangan-cadangan bagi program pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi;
- (g) Mencadangkan kepada PBT hal-hal berkaitan perancangan dan pelaksanaan sistem pengkomputeran di PBT;
- (b) Mempertimbangkan dan memperakukan laporan latihan kakitangan dalaman;
- (c) Mempertimbangkan dan memperakukan laporan Jabatan/Bahagian/Unit Undang-undang; dan
- (d) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.6 Jawatankuasa Kemasyarakatan

- (a) Memperakukan kepada PBT hal-hal berhubung dengan perancangan, penyelarasan dan penganjuran program/ aktiviti seperti program-program sukan, kebudayaan, kebajikan, sosial dan pendidikan yang melibatkan masyarakat setempat;
- (b) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan berkaitan penganjuran secara bersama bagi program seperti para 4.4.6 (a) yang melibatkan agensi lain;
- (c) Mencadangkan kepada PBT hal-hal mengenai aktiviti- aktiviti dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi mewujudkan konsep 'Mesra Rakyat' di antara PBT dan penduduk;
- (d) Mengesyorkan kepada PBT langkah-langkah kawalan keselamatan terhadap masalah-masalah sosial dan lain-lain isu kemasyarakatan;
- (e) Mengesyorkan kepada PBT langkah-langkah ke arah mempertingkatkan aspek pembangunan mampan serta kualiti hidup yang sihat; dan
- (f) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan).

3.1.2.7 Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

- (a) Menimbang dan meluluskan apa-apa permohonan berkaitan:
 - i. Kebenaran Merancang;
 - ii. Pelan Bangunan;
 - iii. Pelan Infrastruktur;
 - iv. Pelan Lampu Jalan;
 - v. Pelan Lanskap;

- vi. Sijil Kelayakan Menduduki (CFO); dan
- vii. Sijil Pematuhan Dan Penyiapan (CCC).

(b) Membuat perakuan dan memaklumkan keputusan ke atas permohonan di bawah peruntukan seksyen 124A dan 204D, Kanun Tanah Negara selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 136 (1)(c)(i) dan 204D(1)(d), Kanun Tanah Negara.

3.1.2.8 Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat

- (a) Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam (UAD) dan piagamnya;
- (b) Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman PBT;
- (c) Menimbang dan meluluskan perancangan tahunan aktiviti UAD dan penyelarasan antara audit dalaman dan luaran;
- (d) Perancangan auditan hanyalah meliputi aktiviti tahun semasa;
- (e) Mengkaji dan memperakukan laporan audit juruaudit dalam untuk tindakan susulan PBT;
- (f) Memberi nasihat kepada Ahli Majlis berhubung dengan penyata kewangan dan laporan kewangan yang dikeluarkan PBT;
- (g) Mengesan ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh PBT; dan
- (h) Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan selanjutnya.

3.1.2.9 Pihak Berkuasa Melantik

- (a) Meluluskan dan melantik calon-calon ke jawatan yang disenaraikan; dan
- (b) Perkara yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 (4), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) setakat yang berkaitan dengan pelantikan.

3.1.2.10 Lembaga Tatatertib

- (a) Lembaga Tatatertib mempunyai bidangkuasa dalam semua perkara yang diperuntukkan di dalam Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 (termasuk pindaan) yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib semua pekerja;
- (b) Lembaga Tatatertib mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib yang diperuntukkan di dalam Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 (termasuk pindaan);
- (c) Perkara yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 (4), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) setakat yang berkaitan dengan tujuan buang kerja, turun pangkat dan yang berkaitan dengannya; dan
- (d) Keputusan Lembaga Tatatertib adalah muktamad.

3.1.2.11 Lembaga Tender

- (a) Menimbang dan meluluskan perkara-perkara yang dikemukakan bagi memperolehi kontrak kerja/perkhidmatan/bekalan yang jumlah perolehan melebihi RM500,000.00;
- (b) Membuat penilaian dan cadangan lantikan pemborong atau pembekal mengikut kesesuaian kerja kontrak atau perkhidmatan yang akan diberikan kepada PBT;

- (c) Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan perubahan kerja, perubahan harga dan lanjutan masa; dan
- (d) Membuat syor hal-hal yang berkaitan dengan kontrak kerja, perkhidmatan dan bekalan.

3.1.2.12 Lembaga Sebutharga

- (a) Menimbang dan meluluskan perkara-perkara yang dikemukakan bagi memperolehi kontrak kerja / perkhidmatan / bekalan:-
 - i. Bagi kontrak kerja, nilai perolehan adalah antara RM20,000.00 hingga RM500,000.00; dan
 - ii. Bagi kontrak perkhidmatan/bekalan, nilai kontrak perolehan adalah antara RM50,000.00 hingga RM500,000.00;
- (b) Membuat penilaian dan cadangan lantikan pemborong atau pembekal mengikut kesesuaian kerja kontrak atau perkhidmatan yang akan diberikan kepada PBT;
- (c) Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan perubahan kerja, perubahan harga dan lanjutan masa; dan
- (d) Membuat syor hal-hal yang berkaitan dengan kontrak kerja, perkhidmatan dan bekalan.

3.1.3 Bilangan Keahlian

3.1.3.1 Bilangan Keahlian Dalam Jawatankuasa

Setiap keahlian Jawatankuasa terdiri tidak lebih daripada **dua belas (12) orang Ahli Majlis (termasuk Datuk Bandar/Yang Dipertua) kecuali** bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa yang keahliannya telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti:-

- (a) Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat;
- (b) Jawatankuasa Tender;
- (c) Jawatankuasa Sebutharga;
- (d) Pihak Berkuasa Melantik;
- (e) Lembaga Tatatertib; dan
- (f) Jawatankuasa OSC.

3.1.3.2 Bilangan Keahlian Jawatankuasa Setiap Ahli Majlis.

Setiap Ahli Majlis akan menganggotai tidak lebih daripada **tiga (3)** Jawatankuasa yang berikut:-

- (a) Jawatankuasa Kewangan;
- (b) Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan;
- (c) Jawatankuasa Infrastruktur;
- (d) Jawatankuasa Pengindahan Bandar;

- (e) Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat;
- (f) Jawatankuasa Kemasyarakatan;
- (g) Jawatankuasa OSC (4 ahli sahaja)
- (h) Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (5 ahli sahaja)

3.1.3.3 Datuk Bandar/Yang Dipertua boleh dengan kelulusannya mengkehendaki mana-mana Ahli Majlis menganggotai Jawatankuasa lebih daripada jumlah di atas dengan syarat diperakukan dalam Mesyuarat Majlis.

3.1.3.4 Ahli Jawatankuasa Teknikal hendaklah terdiri daripada Ahli Majlis yang menganggotai Jawatankuasa yang menerbitkan Jawatankuasa Teknikal tersebut dan penglibatan ahli selain daripada anggota Jawatankuasa boleh dibuat mengikut persetujuan Jawatankuasa tersebut dan diperakukan di dalam Mesyuarat Majlis.

3.1.4 Keanggotaan Jawatankuasa-Jawatankuasa

3.1.4.1 JAWATANKUASA KEWANGAN

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
4.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Ahli
5.	Puan Wong Siew Ki	Ahli
6.	Encik Chang Kim Loong	Ahli
7.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	Ahli
8.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	Ahli
9.	Encik Roslan Shahir bin Dato' Mohd Shahir	Ahli
10.	Encik Ir. Izham bin Hashim	Ahli
11.	Jabatan Perbendaharaan	Urusetia

3.1.4.2 JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Chin Sou Bong	Ahli
4.	Encik Tai Cheng Heng	Ahli
5.	Encik Chong Hoon Ming	Ahli
6.	Encik Chia Yew Ken	Ahli
7.	Encik Yap Kok Weng	Ahli
8.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Ahli
9.	Encik P. Ravi Chandaran a/ Periasamy	Ahli
10.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	Ahli
11.	Encik M.Anbarasan a/l Murugesu	Ahli
12.	Encik Rosharizan bin Mohd Rozlan	Ahli
13.	Encik Roslan Shahir bin Dato' Mohd Shahir	Ahli

14.	Ketua Polis Daerah	Wakil Jabatan
15.	Pegawai Kesihatan Daerah Petaling	Wakil Jabatan
16.	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	Wakil Jabatan
17.	Jabatan Pelesenan	Urusetia

3.1.4.3 JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
4.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
5.	Encik Chin Sou Bong	Ahli
6.	Encik Tai Cheng Heng	Ahli
7.	Encik Chia Yew Ken	Ahli
8.	Encik Yap Kok Weng	Ahli
9.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Ahli
10.	Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy	Ahli
11.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	Ahli

12.	Encik Rosharizan bin Mohd Rozlan	Ahli
13.	Encik Ir. Izham bin Hashim	Ahli
14.	Jabatan Kerja Raya	Wakil Jabatan
15.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Wakil Jabatan
16.	Syarikat Bekalan Air Selangor	Wakil Jabatan
17.	Lembaga Lebuhraya Malaysia	Wakil Jabatan
18.	Tenaga Nasional Berhad	Wakil Jabatan
19.	Telekom Malaysia Berhad	Wakil Jabatan
20.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	Wakil Jabatan
21.	Indah Water Konsortium	Wakil Jabatan
22.	Lingkar Trans Kota S/B	Wakil Jabatan
23.	Plus Expressway Berhad	Wakil Jabatan
24.	New Pantai Expressway	Wakil Jabatan
25.	KESAS S/B	Wakil Jabatan
26.	BESRAYA (M) S/B	Wakil Jabatan
27.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Semenanjung Malaysia	Wakil Jabatan
28.	Jabatan Kejuruteraan	Urusetia

3.1.4.4 JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Chong Hoon Ming	Ahli
4.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Ahli
5.	Encik Wan Hock Leong	Ahli
6.	Puan Wong Siew Ki	Ahli
7.	Encik Chang Kim Loong	Ahli
8.	Encik Jaber bin Ami	Ahli
9.	Encik P. Ravi Chandaran a/ Periasamy	Ahli
10.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	Ahli
11.	Encik M.Anbarasan a/l Murugesu	Ahli
12.	Puan Norzaihan binti Ismail	Ahli
13.	Ir. Izham bin Hashim	Ahli
14.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Wakil Jabatan
15.	Indah Water Konsortium	Wakil Jabatan
16.	Pejabat Daerah Petaling	Wakil Jabatan

17.	Tourism Selangor Sdn Bhd	Wakil Jabatan
18.	Bahagian Perkhidmatan Bandar	Wakil Jabatan
19.	Bahagian Landskap	Urus setia

3.1.4.5 JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
4.	Encik Chin Sou Bong	Ahli
5.	Encik Tai Cheng Heng	Ahli
6.	Encik Chia Yew Ken	Ahli
7.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Ahli
8.	Encik Wan Hock Leong	Ahli
9.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	Ahli
10.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	Ahli
11.	Puan Norzaihan binti Ismail	Ahli

12.	Encik Roslan Shahir bin Datuk Mohd Shahir	Ahli
13.	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	Ahli
14.	Bahagian Sumber Manusia	Urus setia
15.	Jabatan Teknologi Maklumat	Urus setia

3.1.4.6 JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
4.	Encik Pooi Weng Keong	
5.	Encik Chong Hoon Ming	Ahli
6.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Ahli
7.	Encik Wan Hock Leong	Ahli
8.	Puan Wong Siew Ki	Ahli
9.	Encik Chang Kim Loong	Ahli
10.	Encik Jaber bin Ami	Ahli
11.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	Ahli

12.	Puan Norzaihan binti Ismail	Ahli
13.	Pejabat Belia Daerah Petaling	Wakil Jabatan
14.	Jabatan Agama Islam Daerah Petaling	Wakil Jabatan
15.	Pejabat Perpaduan Daerah Petaling	Wakil Jabatan
16.	Pejabat Pelajaran Daerah	Wakil Jabatan
17.	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan	Urusetia

3.1.4.7 JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
4.	Encik Jaber bin Ami	Ahli
5.	Encik Roslan Shahir bin Dato' Mohd Shahir	Ahli
6.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
7.	JPBD Negeri Selangor	Wakil Jabatan
8.	Jabatan Bomba Dan Penyelamat	Wakil Jabatan

9.	Jabatan Parit dan Saliran Petaling	Wakil Jabatan
10.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	Wakil Jabatan
11.	Jabatan Mineral dan Geosains Selangor/WP	Wakil Jabatan
12.	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Mal.	Wakil Jabatan
13.	Syarikat Bekalan Air Selangor	Wakil Jabatan
14.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Wakil Jabatan
15.	Tenaga Nasional Berhad	Wakil Jabatan
16.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	Wakil Jabatan
17.	Ketua Polis Daerah	Wakil Jabatan
18.	Lembaga Urus Air Selangor	Wakil Jabatan
19.	Jurutera Daerah/Tanah Petaling	Wakil Jabatan
20.	Jabatan OSC	Urusetia

3.1.4.8 JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
2.	Encik Yap Kok Weng	Ahli
3.	Encik Jaber bin Ami	Ahli
4.	Encik Rosharizan bin Mohd Rozlan	Ahli
5.	Bahagian Audit Dalam	Urusetia

3.1.4.9 LEMBAGA TENDER

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
4.	Encik Saifullah bin Mohd Zulkifli	Ahli
5.	Encik Roslan Shahir bin Dato' Mohd Shahir	Ahli
6.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
7.	Pengarah Perbendaharaan	Ahli

8.	Pengarah Undang-Undang	Ahli
9.	Jabatan Ukur Bahan	Urus setia

3.1.4.10 LEMBAGA SEBUTHARGA

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Pooi Weng Keong	Ahli
4.	Encik Saifullah bin Mohd Zulkifli	Ahli
5.	Encik Roslan Shahir bin Dato' Mohd Shahir	Ahli
6.	Encik Edwin Lim Hock Lee	Ahli
7.	Pengarah Perbendaharaan	Ahli
8.	Jabatan Ukur Bahan	Urus setia

3.1.4.11 LEMBAGA TATATERTIB

Bil	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Jaber bin Ami	Ahli
4.	Bahagian Sumber Manusia	Urus setia

3.1.4.12 JAWATANKUASA MELANTIK

	Ahli Jawatankuasa	Keahlian
1.	Yang Dipertua (YDP)	Pengerusi
2.	Timbalan Yang Dipertua (TYDP)	Ahli
3.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	Ahli
4.	Bahagian Sumber Manusia	Urus setia

3.2 Cadangan penyusunan Ahli Majlis sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2016/2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** cadangan yang terkandung dalam kertas mesyuarat tersebut. Cadangan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

BIL	NAMA AHLI MAJLIS	PARTI	ZON JKP	RINGKASAN KAWASAN
1	Encik Edwin Lim Hock Lee	NGO	6	USJ 16 - USJ 29
1	Encik Pooi Weng Keong	DAP	24	SG. BESI INDAH
2	Encik Chin Sou Bong		16	PUSAT BANDAR PUCHONG, BATU 12, BANDAR PUTERI
3	Encik Tai Cheng Heng		23	TAMAN SERDANG RAYA, SERDANG PERDANA
4	Encik Chong Hoon Ming		22	TAMAN BUKIT SERDANG 4-14, KG. BARU
5	Encik Chia Yew Ken		1	SS 12 - SS 19
6	Encik Yap Kok Weng		10	BANDAR PUCHONG JAYA
7	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh		9	TAMAN SERI PUCHONG, TPP 1 - 6
8	Encik Mehanatan a/l Embamurthi		11	TAMAN KINRARA 1-5, 7, TAMAN BUKIT KUCHAI
9	Encik Wan Hock Leong		2	PJS 7, PJS 9, PJS 11
10	Puan Wong Siew Ki		21	BUKIT SERDANG 1-3, TAMAN U
11	Encik Chang Kim Loong		3	USJ 2 - USJ 15
1	Encik Jaber bin Ami	PKR	7	PUTRA HEIGHTS, BUKIT LANCHONG
2	Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy		20	SERDANG JAYA, SERI SERDANG
3	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli		17	TAMAN PUCHONG PRIMA
4	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli		5 (15)	BATU TIGA, PINGGIRAN USJ TAMAN PUCHONG UTAMA
5	Puan Sharmazira binti Md Sharif		14 (18)	BANDAR BUKIT PUCHONG, BATU 14 BANDAR KINRARA, TP KINRARA
6	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu		19	TAMAN EQUINE, PUNCAK JALIL
1	Encik Rosharizan Bin Mohd Rozlan	PAS	13	TAMAN PUCHONG INTAN, PERDANA
2	Puan Norzaihan binti Ismail		12	KG. SRI AMAN
3	Encik Roslan Shahir Bin Dato' Mohd Shahir			KG. TENGAH, KG. KENANGA, KUALA SG. BARU
1	Encik Ir. Izham Bin Hashim	PAN		USJ 1

4.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 4.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), A.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA